

SIARAN MEDIA

TVET DAN KERJASAMA INDUSTRI: MEMBANGUN TENAGA KERJA TEKNOLOGI MELALUI PENAWARAN PROGRAM PESISIR

PUTRAJAYA, 4 MAC 2025 – Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) telah memperkenalkan pendekatan terkini dalam melaksanakan akreditasi Program Pesisir bagi program teknologi dan teknikal. Penawaran Program Pesisir (*Offshore*) adalah program yang ditawarkan secara sepenuh atau sebahagiannya di lokasi luar kampus atau premis induk, sama ada di dalam negara atau luar negara. Inisiatif ini bertujuan untuk memperluaskan pelaksanaan program TVET di Malaysia.

Ini merupakan langkah pertama dalam melaksanakan program Ijazah Sarjana Muda Teknologi (B.Tech) yang melibatkan Program Pesisir. Program TVET yang menerima akreditasi dari MBOT memberi penekanan kepada perkhidmatan teknologi iaitu pembangunan, pembuatan, pengujian, pentaulahan dan penyenggaran, memastikan pelajar tidak hanya menerima pengetahuan teori, tetapi juga kemahiran praktikal yang relevan dengan industri semasa.

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) telah bekerjasama dengan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam melaksanakan program ini. Program ini akan menggunakan kepakaran tenaga pengajar, mentor industri, serta kemudahan dan fasiliti di UMS bagi memastikan kualiti pembelajaran yang setanding dengan kampus induk. Pengambilan pertama untuk program-program ini akan bermula pada tahun ini.

Program-program yang terlibat adalah Sarjana Muda Teknologi Penyelenggaraan Sistem Elektrik dengan Kepujian dan Sarjana Muda Teknologi Penyelenggaraan Fasiliti Minyak dan Gas dengan Kepujian.

Inisiatif ini bakal membantu Sabah dalam menyediakan tenaga kerja yang berkemahiran dan berpengetahuan tinggi sekaligus bakal memberi impak positif kepada ekonomi di sana. Program ini juga menekankan kerjasama industri dan pelajar akan menjalani latihan industri di syarikat-syarikat terkemuka untuk memperoleh pengalaman yang lebih mendalam dan praktikal dalam bidang masing-masing.

MBOT mengalakkan institusi pengajian tinggi untuk menawarkan program-program Pesisir khususnya dalam bidang teknologi dan teknikal. Penawaran program Pesisir merupakan pendekatan terkini yang mampu melahirkan lebih ramai graduan tanpa memerlukan pelaburan dan penggunaan sumber yang besar dalam menawarkan program.

-TAMAT-

Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) merupakan sebuah badan profesional yang memberikan pengiktirafan profesional kepada Teknologis dan Juruteknik dalam bidang teknologi dan teknikal. MBOT telah ditubuhkan di bawah Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 [Akta 768] untuk mengiktiraf dan membangunkan profesion teknologis dan juruteknik sebagai profesion ikhtisas.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT)
t.nabila@mbot.org.my
+603-8800 6268/+6017-798 2604